

Merangsang Minat dan Meningkatkan Keterlibatan Pelajar dalam Pembelajaran

Siti Farhana Abdullah

siti_farhana_abdullah@moe.edu.sg

Siti Nadiyah Idris

siti_nadiyah_idris@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodgrove

Abstrak

Para pelajar secara umumnya kurang berkeyakinan untuk bertutur dalam bahasa Melayu apabila berada di khalayak ramai atau apabila diberi peluang untuk memberi respons di dalam kelas. Mereka juga kurang menjiwai watak dalam teks kefahaman yang membuat mereka sukar untuk menjawab soalan-soalan jenis sifat-bukti, memberi pendapat dan menilai kewajaran tindakan watak. Ujian tahap kecerdasan, *Multiple Intelligence* (MI) yang dijalankan mendapati bahawa pelajar-pelajar kami mendapati bahawa tahap kecerdasan mereka yang tertinggi ialah kecerdasan kinestetik, visual dan auditori. Dengan itu, Drama dalam Pendidikan dipilih untuk disertakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kami kerana kajian telah menunjukkan bahawa drama memanfaatkan ketiga-tiga kecerdasan ini daripada pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, ramai pelajar lebih senang dan selesa bertutur dalam Bahasa Melayu setelah melalui pengajaran bahasa Melayu menggunakan teknik-teknik Drama.

Kata Kunci: Tahap Kecerdasan/*Multiple Intelligence* (MI), Drama dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Kerusi Panas/Hot Seat, Ukiran Badan



PENGENALAN

Ramai pelajar dewasa ini lebih terdedah kepada persekitaran bahasa Inggeris. Mereka lebih cenderung berbahasa Inggeris dalam pertuturan seharian mereka. Penggunaan bahasa Melayu pula terhad kepada rakan sekolah, khususnya di dalam kelas bahasa Melayu atau rumah sahaja apabila mereka bertutur dengan ahli keluarga lebih tua yang mungkin kurang fasih berbahasa Inggeris. Trend membimbangkan ini sudah pastinya menjejaskan keyakinan dan kemahiran bertutur pelajar dalam bahasa Melayu. Selain daripada masalah pertuturan, pendedahan pelajar kepada bahan bacaan bahasa Melayu juga semakin berkurangan kerana mereka lebih selesa membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Malah, ada juga pelajar yang tidak gemar membaca langsung. Hal ini menjadikan komponen kefahaman bagaikan sebuah mimpi ngeri untuk setiap pelajar, terutama sekali apabila mereka berdepan dengan soalan-soalan jenis sifat-bukti, memberikan pendapat dan menilai kewajaran perwatakan sesebuah watak dalam teks.

Oleh itu, sejak dua tahun yang lalu, Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Woodgrove telah mengaplikasikan pendekatan drama dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai usaha intervensi untuk menyelesaikan kedua-dua masalah yang diutarakan sekali gus. Kajian ini memberi tumpuan pada tiga teknik drama yang khusus – Ukiran Badan, Kerusi Panas dan Meja Bulat. Teknik-teknik ini dapat menggalak pemikiran yang lebih kritikal, kreatif, logikal dan reflektif untuk membantu pelajar menjawab jenis-jenis soalan kefahaman yang telah dikenal pasti sebagai kelemahan pelajar. Pada masa yang sama, pendekatan Drama dalam Pendidikan ini juga dapat mempertingkatkan kemahiran bertutur para pelajar. Soalan Sokratik, teknik persoalan yang telah lama diaplikasikan dalam pengajaran kami akan diterapkan dalam pendekatan Drama ini.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menggunakan teknik-teknik Drama untuk mengasah kebolehan para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu; dan
2. menggunakan teknik-teknik Drama untuk memahami dan menjiwai watak-watak dalam teks kefahaman subjektif agar dapat menjawab soalan jenis sifat-bukti, memberikan pendapat dan menilai kewajaran perwatakan dalam kefahaman subjektif

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahasa Melayu yang kurang menyerlah dalam kalangan para pelajar turut menjejaskan kemahiran bertutur. Inilah masalah yang dikhuatiri para guru kerana kemahiran tersebut penting untuk para pelajar menduduki peperiksaan lisan, mentelah lagi dalam sukatan pelajaran baharu yang akan melibatkan para pelajar yang bakal mengambil peperiksaan di peringkat nasional pada tahun 2016.

Dalam usaha untuk menegaskan kemahiran bertutur, pemberatan peratusan untuk peperiksaan GCE Am Peringkat 'O', 'N' dan 'NT' telah dinaikkan kepada angka signifikan 25%, 30% dan 50% mengikut urutan. Hal ini akan memberikan kesan negatif kepada para pelajar yang tidak menguasai kemahiran bertutur dengan baik kerana komponen lisan merangkumi peratusan yang agak besar dalam peperiksaan mereka. Lantas menjejaskan markah keseluruhan mereka bagi subjek bahasa Melayu.

Kemahiran untuk berfikir secara kritikal, terutama sekali dalam perspektif yang berbeza, merupakan suatu kemahiran yang penting dalam pendidikan. Visi Kementerian Pendidikan, Sekolah Berdaya Fikir, Negara Penimba Ilmu atau *Thinking Schools, Learning Nation* telah menegaskan perkara ini. Justeru, budaya berfikir harus wujud dalam setiap sekolah agar dapat melahirkan pelajar yang berfikir. Namun, kami mendapati bahawa budaya berfikir secara aktif, kreatif dan kritikal kurang menyerlah dalam kalangan



pelajar kami. Pelajar tidak dapat berfikir dari sudut pandangan yang berbeza. Hal ini berlaku kerana mereka mempunyai kesukaran untuk memahami teks kefahaman yang diberikan kepada mereka. Akibatnya, kebolehan mereka untuk menjawab soalan jenis sifat-bukti, memberikan pendapat dan menilai kewajaran perwatakan sesebuah watak dalam teks terjejas. Komponen kefahaman sahaja dalam Kertas 2 sama beratnya dengan peratusan kesemua komponen bahasa dalam kertas yang sama. Kepeyahan pelajar menjawab soalan-soalan ini tidak membolehkan pelajar untuk mendapat markah yang baik untuk kertas tersebut.

KAJIAN LEPAS

Pepatah lama Inggeris mengatakan: *"Tell me, and I'll forget. Show me, and I may not remember. Involve me, and I'll understand."* Dalam erti kata lain, pengajaran yang melibatkan pelajar lebih berkesan jika dibandingkan dengan pengajaran melalui penyampaian guru sahaja. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Moore, Mandy M. (2004) telah menunjukkan bahawa penggunaan drama dapat membangunkan dan meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan pelajar. Mentelah lagi, penggunaan drama membolehkan pelajar untuk menjiwai watak dalam sesebuah teks, justeru mendalami pemahaman mereka tentang cerita tersebut. Natijahnya, pengajaran guru akan menjadi lebih berkesan dan bermakna. Antara sebab mengapa aktiviti drama dapat menjadikan pengajaran lebih berkesan adalah kerana:

1. Drama mencungkil pelbagai tahap kecerdasan (*multiple intelligence*) dalam diri para pelajar. Menurut kajian yang dilakukan oleh Howard Gardner (2010), para pelajar mempunyai tahap kecerdasan yang pelbagai. Jika kesemua kecerdasan dapat dimanfaatkan, pengajaran akan menjadi lebih berkesan untuk pelajar.
2. Apabila pelajar melakukan teknik drama di dalam kelas, mereka dapat meningkatkan kemahiran bertutur, kemahiran mengeluarkan perasaan dan kemahiran motor mereka. Drama menggalak pendekatan seluruh otak (*whole-brain approach*). Hal ini mempertajam pemikiran pelajar selain meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur.



3. Drama menggalak para pelajar untuk mencipta sesuatu yang baharu berdasarkan maklumat yang diajarkan supaya maklumat tersebut dapat menjadi lebih relevan dalam kehidupan mereka. Menurut Feden (2003), untuk memastikan bahawa pemahaman pelajar terhadap sesuatu maklumat itu kukuh dan berkesan, pelajar harus berupaya menggarap sesuatu maklumat dan mengaplikasikannya di arena yang berbeza.

Teknik-teknik drama yang diaplikasikan dalam kajian yang dijalankan oleh para pengkaji ternyata mampu menggalak pemikiran kognitif pelajar. Malah, melalui komunikasi bersama rakan-rakan mereka, para pelajar dapat memperbaiki hubungan sosial mereka dan sekaligus, kemahiran mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 28 orang pelajar Menengah 2 dari aliran Ekspres. Para pelajar ini telah didedahkan kepada pendekatan Drama sejak Menengah 1. Mereka masih menyesuaikan diri untuk memanfaatkan teknik-teknik drama yang diperkenalkan untuk bahagian lisan dan juga kefahaman subjektif. Mereka merupakan pelajar-pelajar yang malu untuk bertutur atau berkongsi idea di dalam kelas. Kajian ringkas *Multiple Intelligence* (MI) menunjukkan bahawa pelajar kami mempunyai tahap kecerdasan tertinggi dari segi kinestetik (87.3%), visual (82.1%) dan auditori (71.4%) Hal ini memberikan kami sebab yang kukuh untuk memperkenalkan drama dalam pendidikan kerana drama memanfaatkan ketiga-tiga kecerdasan ini dalam diri pelajar.

Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap keterlibatan dan cara pembelajaran pelajar digunakan sebagai instrumen kajian. Guru memantau para pelajar sambil menilai respons mereka sewaktu pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Lembaran renungan diberikan kepada para pelajar setelah keseluruhan aktiviti tersebut untuk mendapat maklum balas dan renungan pelajar tentang pengajaran guru dan pembelajaran mereka sepanjang pengajaran tersebut



dilaksanakan. Bagi menilai soalan-soalan jenis kefahaman pula, hasil kerja pelajar menjadi ukur keberkesanan penggunaan Drama dalam pendidikan.

Prosedur Kajian

Guru-guru telah menjalani Latihan tentang teknik-teknik drama yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu. Para guru kemudian berbincang tentang pengaplikasian teknik-teknik drama tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Para guru kemudian menjalankan ujian pelbagai kecerdasan (MI) untuk mencungkil tahap tertinggi kecerdasan pelajar. Berdasarkan profil, tahap kebolehan dan tahap kesiapan pelajar kami, para guru sepakat untuk fokus pada teknik Ukiran Badan, Kerusi Panas dan Mesyuarat Bulatan untuk diaplikasikan dalam pengajaran kefahaman. Teks kefahaman ini, apabila diberikan nafas drama, akan menghidupkan watak, sekaligus membantu dalam penjiwaan perwatakan dan pemahaman teks. Pada masa yang sama, kemahiran bertutur pelajar juga dapat diasah.

Pada aras yang pertama, teknik Ukiran Badan diaplikasikan untuk memastikan para pelajar memahami teks yang telah diberikan. Guru akan memberikan sekeping kad yang mengandungi satu babak penting dalam teks kepada sepasang pelajar. Seorang pelajar akan menjadi model, ibarat kayu yang diukir manakala rakannya akan mengukir bentuk badannya untuk menampakkan situasi frasa yang ditulis dalam kad mereka. Pada akhir sesi pendek tersebut, sang pengukir akan menjelaskan ukirannya. Soalan-soalan Sokratik aras tinggi akan diajukan kepada pelajar untuk merangsang minda mereka untuk menjelaskan ukiran mereka itu berdasarkan teks yang telah dibacanya tadi. Antara jenis-jenis soalan yang ditanya termasuklah:

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh watak ini?
2. Bagaimanakah perasaannya ketika itu?
3. Mengapakah kamu berfikir sedemikian? Pada pendapat kamu, apakah



Teknik Ukiran Badan, selaku induksi yang ringkas, membolehkan guru menilai sejauh mana pelajar telah memahami teks tersebut. Tahap keterlibatan pelajar menjadi lebih tinggi. Apatah lagi, proses pengukiran badan merupakan proses yang agak kelakar terutama sekali setelah pelajar selesai mengukir model/kayu masing-masing. Dengan cara ini, pelajar yang kinestetik, visual dan auditori dapat memahami teks dengan lebih berkesan kerana mereka terlibat secara langsung dalam pengukiran tersebut dan hasil ukiran mereka meninggalkan imej yang berkekalan dalam minda mereka. Apabila mereka membaca teks itu sekali lagi, sesi Ukiran Badan ini akan berlegar di ruang minda mereka, lantas membantu mereka memahami teks tersebut dengan mudah.

Usai tahap memahami teks, teknik Kerusi Panas digunakan untuk membantu pelajar menjiwai watak dalam teks pula tatkala berhadapan dengan sebuah dilema dan harus menetapkan pendirian. Teknik ini membolehkan pelajar untuk melihat suatu isu dari sudut pandangan yang berbeza. Pemikiran para pelajar lazimnya cetek dan mereka hanya mampu memberikan satu sudut pandangan sahaja. Hal ini akan menjejaskan markah mereka baik dalam soalan kefahaman mahupun lisan. Dengan mengaplikasikan teknik Kerusi Panas, pelajar diperlukan untuk menjiwai sesebuah watak.

Untuk memastikan teknik Kerusi Panas ini lebih berkesan dan bermanfaat untuk pelajar, kami telah membuat sedikit penyesuaian. Kami menempatkan beberapa orang pelajar di kerusi panas selaku watak utama. Peranan mereka adalah untuk meyakinkan pelajar lain akan tindakan yang diambil. Para pelajar yang lain pula akan menubuhkan dua kumpulan yang berbeza, sebuah kumpulan yang pragmatik dan satu lagi kumpulan yang berteraskan nilai. Kumpulan-kumpulan ini akan menyoal tindakan kumpulan watak utama berdasarkan pendirian kumpulan masing-masing. Para pelajar di kerusi panas akan dihujani pelbagai soalan oleh rakan-rakan sekelas mereka, namun mereka harus tetap teguh dengan pendirian mereka dan meyakinkan khalayak akan kewajaran perbuatan mereka.

Teknik drama Kerusi Panas ini menggalak para pelajar untuk memikirkan pelbagai perspektif berkenaan sesuatu tindakan. Tambahan lagi, para pelajar dilatih untuk memberikan penjelasan yang bernas demi



mempertahankan perspektif mereka. Guru harus memastikan bahawa para pelajar diberi masa yang secukupnya untuk membincangkan idea-idea mereka agar dapat melahirkan dan meneroka pelbagai perspektif secara terperinci serta penjelasan yang paling meyakinkan. Setelah selesai melakukan Kerusi Panas secara berkumpulan, setiap pelajar dikehendaki untuk memberi pendapat mereka secara individu pula. Teknik drama yang kedua, Mesyuarat Bulatan dilaksanakan untuk mencungkil pendapat peribadi mereka.

Pelajar akan disuruh untuk duduk dalam satu bulatan. Guru akan mengajukan soalan-soalan jenis sifat-bukti, memberikan pendapat dan menilai kewajaran perwatakan sesebuah watak dalam teks. Secara bergilir-gilir, pelajar akan memberikan pandangan mereka dan menjelaskan pendapat tersebut. Guru akan memastikan bahawa jawapan yang sama tidak boleh diulangi pelajar. Teknik ini melatih pelajar untuk memberanikan diri mereka untuk memberikan pendapat mereka beserta alasan-alasan yang kukuh. Para pelajar juga dapat membina tahap keyakinan mereka lantas melahirkan pelajar yang tidak segan memberi pandangan dan menerima kritikan membangun daripada rakan-rakan mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru, para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Pemilihan teknik drama Ukiran Badan sebagai aktiviti permulaan telah berjaya memecahkan ‘kesunyian’ dalam kalangan para pelajar terutamanya pelajar yang pendiam dan kurang aktif. Teknik ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengasah kreativiti dan menunjukkan sikap yang positif dan keterbukaan minda untuk mentafsir teks agar dapat memahaminya dengan lebih mendalam.

Dapatan ujian pasca melalui sesi maklum balas para pelajar telah menunjukkan mereka berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu melalui drama. Sebelum kajian ini dijalankan, cabaran yang mereka hadapi merupakan faktor-faktor yang menghindari mereka daripada mencapai gred cemerlang buat lisan dan bahagian kefahaman subjektif. Cabaran-cabaran yang dialami oleh mereka adalah seperti kurang keyakinan diri dan penggunaan bahasa yang kurang berkualiti telah menjejaskan kebolehan mereka dalam melampirkan



idea-idea mereka dengan jelas. Namun, berdasarkan pemerhatian guru semasa mereka menjalani aktiviti drama, para pelajar didapati bersikap proaktif dalam perbincangan serta ketika melakukan pembentangan. Penggunaan teknik drama dalam pembelajaran bahasa Melayu telah terbukti efektif buat para pelajar kerana aktiviti-aktiviti itu membantu mereka menjadi lebih berkeyakinan untuk meluahkan dan berkongsi idea mereka dengan jelas dan bernas. Mereka juga lebih proaktif untuk memperbaiki kualiti bahasa Melayu dalam pertuturan mereka.

Pencapaian ini ternyata jelas ketika mereka memberi respons-respons pada soalan-soalan perbincangan dan idea-idea rakan-rakan sedarjah. Sikap proaktif mereka dapat meningkatkan tahap pemikiran dan peluasan idea dalam kalangan pelajar. Lantas, hal ini akan dapat membantu mereka memberikan respons yang berkualiti dalam lisan dan kefahaman subjektif.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pembelajaran bahasa Melayu menggunakan teknik Drama menggalakkan para pelajar untuk bersikap proaktif dalam mempertingkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu mereka. Lantaran itu, para pelajar mampu berfikir secara mendalam serta berkongsi idea yang rasional dan bernas. Guru juga harus mengandaikan soalan-soalan pelajar agar lebih perbincangan menjadi lebih berkesan. Lantas, peranan guru sebagai pemudah acara juga genting dalam mencapai impak yang positif buat pembelajaran para pelajar. Melalui dapatan sesi-sesi aplikasi drama dalam pembelajaran bahasa Melayu, kami dapati bahawa pengajaran dan pembelajaran sememangnya menjadi lebih efektif apabila minda para pelajar dirangsang untuk mempunyai pelbagai perspektif dengan memberikan hujahan yang kritikal.

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Diana Melissa Khamis
2. Mohammad Khairul Moxsin



RUJUKAN

- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The Theory Of Multiple Intelligences*. New York.
- Hornbook, D. (1998). Chapter 1: Drama and Education. In *On The Subject of Drama*. London: Routledge.
- Moore, M. M. (2004). *Using Drama As An Effective Method To Teach Elementary Students*. Eastern Michigan University.
- Boudreault, C. (2010). The Benefits of Using Drama in the ESL/EFL Classroom. Retrieved from <http://iteslj.org/Articles/Boudreault-Drama.html>
- Feden, P. & Vogel, R. (2003). *How the Human Brain Learns is the Basis for New Teaching Text By La Salle Professors, Takes Advantage of Cognitive Science Findings*. Retrieved from <http://www.lasalle.edu/univcomm/2003/cognitive.htm>
- Romano, L., Papa, L., & Saulle, E. (n.d.). 12 Fascinating Ways to Use Drama in the Curriculum. Retrieved from <http://www.teachhub.com/12-fascinating-ways-use-drama-curriculum>

